

TINJAUAN PENDAPAT PELATIH KE ATAS PENTAKSIRAN BERASASKAN
INSTITUSI DI INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN AWAM

IZAN ROZAIMIE BINTI MOHAMED IBRAHIM

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Julai 2014

ABSTRAK

Kajian ini berjudul “Tinjauan Pendapat Pelatih Ke Atas Pentaksiran Berasaskan Institusi Di Institusi Latihan Kemahiran Awam”. Kajian kuantitatif deskriptif berbentuk kajian kes institusi ini bertujuan melihat amalan PBI di empat institusi latihan berbeza. Objektif kajian adalah untuk menentukan ciri-ciri amalan PBI mengikut pendapat pelatih. Hipotesis pertama menguji pendapat pelatih yang mendakwa wujud hubungan kukuh antara institusi dan hipotesis kedua, pendapat pelatih yang mendakwa wujud kesamaan antara institusi yang dikaji. Kajian ini memfokus dalam kalangan pelatih program Asas Pendawaian Elektrik Tahap Satu dari IKM Lumut (93 pelatih), GiatMARA Teluk Intan (37 pelatih), IKBN Seri Iskandar (74 pelatih) dan ILJTM Ipoh (107 pelatih) menggunakan pendekatan persampelan penuh berdasarkan enrolmen sedia ada. Data mentah diproses secara statistik deskriptif untuk menghitung min bagi pangkatan dan sisihan piawai. Dapatan analisis data menunjukkan min pendapat keseluruhan pelatih (311 : 100 peratus) adalah pada tahap kesamaan yang tinggi (min = 4.23) pada serakan pendapat yang rendah (Sisihan Piawai = 0.78). Analisis inferensi menguji ujian hipotesis pertama, melalui pekali Pearson-r = -0.141, iaitu hubungan antara institusi yang dikaji dengan PBI adalah hubungan songsang, di mana ujian hipotesis kedua, analisis Anova menunjukkan F kiraan = 1.484 melebihi Jadual F, memutuskan menolak H null, yang mengatakan wujud persamaan amalan PBI antara institusi yang dikaji. Kajian ini merumuskan wujud kesamaan pendapat pelatih mengenai amalan PBI dalam program Sijil Pendawaian Elektrik mengikut institusi yang dikaji.

Istilah Utama: Pentaksiran Berasaskan Institusi (PBI), Sijil Pendawaian Elektrik Tahap Satu, SLDN, Institusi Latihan Vokasional Awam, autonomi.

ABSTRACT

This study entitled “The practices of Institutional-based Assessment (PBI) of Electrical Wiring Certificate programmes in Public Vocational Training Institutions”. The objectives of these study was to looked into the implementation of PBI from the opinions of their trainee, and to test the first hypothesis, that support the opinions that there were strong relationship between the institutions, and also to test the second hypothesis of opinions that supported that said there the practices of PBI between the institutions were similar. The respondents representing each ministry were selected exclusively from the Electrical Wiring Certificate Level One Programme, from trainees of the IKM Lumut (93 trainees), GiatMARA Teluk Intan (37 trainees), IKBN Seri Iskandar (74 trainees) and ILJTM Ipoh (107 trainees) trainees, using the full (100 per cent) sampling procedure. Descriptive statistical methods were used to calculate the overall mean and standard deviation of the respondents’ opinions. The findings of these analyses showed that opinions of trainees said that there were high similarities (mean = 4.23) and low scattered (SD= 0.78) of opinions on the similarities of PBI implemented between institution. Inferential statistics of the first hypothesis tested using the Pearson Product Moment Coefficient revealed that there were strong relationship of opinions of PBI practices between the institutions, and the second hypothesis revealed that there were similarities of opinions in the way PBI (calculated $F = -0.141$) being conducted in these institutions, and rejected H null. This study concluded that there similar opinions of the trainees regarded to the implementation of PBI in their programme and institutions, and also among the institutions.

Key words: Institutional-based Assessment (PBI), Electrical Wiring Certificate Level One, NDTs, public vocational training institutions, autonomy.

KANDUNGAN

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	5
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Hipotesis	10
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.7.1 Kerajaan dan Agensi Penyedia Latihan Berinstitusi	11
1.7.2 Pengajar Vokasional	12
1.7.3 Pelatih Vokasional	13
1.8 Skop Kajian	13
1.9 Kerangka Konsep Kajian	15

1.10	Definisi Operational	16
1.10.1	Amalan Terbaik	16
1.10.2	Pentaksiran Berasaskan Institusi	17
1.10.3	Institusi Latihan Kemahiran Awam	17
1.11	Rumusan	18
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	19
2.1	Pengenalan	19
2.2	Penyataan Masalah dan Objektif Kajian	19
2.3	Konsep PBI dan Komponen PBI	20
2.3.1	Ciri-Ciri Institusi	22
2.3.2	Konsep Kajian	23
2.3.3	Kebolehpasaran Graduan	24
2.4	Kajian Lepas	25
2.5	Rumusan	26
BAB 3	KAEDAH KAJIAN	27
3.1	Pengenalan	27
3.2	Kaedah Kajian	27
3.3	Rekabentuk Kajian	30
3.3.1	Soal selidik Berstruktur	31
3.4	Kerangka Kerja Operasi	31
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	33
3.5	Instrumen Kajian	35
3.5.1	Pembangunan Instrumen	38
3.5.1.1	Ujian Kesahan	38
3.5.1.2	Ujian Kebolehpercayaan	39
3.5.2	Prosedur Operasi Kutipan Data Di Lapangan	40
3.6	Kerangka Peringkat Operasi Kutipan Data	40
3.7	Jangkaan Dapatan Mengikut Ujian Hipotesis	41
3.8	Rumusan	42
BAB 4	ANALISIS DATA	43
4.1	Pengenalan	43

4.2	Demografi Responden	44
4.2.1	Jantina	44
4.2.2	Populasi Mengikut Institusi	45
4.3	Dapatan Kajian Berdasarkan Soalan Kajian	46
4.3.1	Ciri-Ciri Amalan PBI Yang Dilaksanakan Mengikut Pendapat Pelatih di IKM Lumut.	46
4.3.2	Ciri-Ciri Amalan PBI Yang Dilaksanakan Mengikut Pendapat Pelatih di GiatMARA Teluk Intan.	48
4.3.3	Ciri-ciri amalan PBI yang dilaksanakan mengikut pendapat pelatih di ILJTM Ipoh.	50
4.3.4	Ciri-ciri amalan PBI yang dilaksanakan mengikut pendapat pelatih di IKBN Seri Iskandar.	52
4.3.5	Hubungan Antara Pendapat Kelompok Pelatih Yang Berbeza Mengikut Amalan PBI Yang Dilaksanakan Di Institusi Yang Dikaji.	54
4.3.6	Persamaan Ciri-Ciri Amalan PBI Yang Setara Mengikut Pendapat Pelatih Di Empat Institusi Yang Dikaji.	55
4.4	Rumusan	56
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	58
5.1	Pengenalan	58
5.2	Ringkasan Kajian	59
5.3	Perbincangan	60
5.3.1	Perbincangan Mengenai Latar Belakang Responden	61
5.3.2	Perbincangan Berkaitan Ciri-Ciri Amalan PBI Yang Dilaksanakan Mengikut Pendapat Pelatih Di IKM Lumut.	63
5.3.3	Perbincangan Berkaitan Ciri-Ciri Amalan PBI Yang Dilaksanakan Mengikut Pendapat Pelatih Di GiatMARA Teluk Intan.	65
5.3.4	Perbincangan Berkaitan Ciri-Ciri Amalan PBI Yang	66

	Dilaksanakan Mengikut Pendapat Pelatih Di ILJTM Ipoh.	
5.3.5	Perbincangan Berkaitan Ciri-Ciri Amalan PBI Yang Dilaksanakan Mengikut Pendapat Pelatih Di IKBN Seri Iskandar.	67
5.3.6	Perbincangan Berkaitan Hubungan Antara Pendapat Kelompok Pelatih Yang Berbeza Mengikut Amalan PBI Yang Dilaksanakan Di Institut Yang Dikaji.	69
5.3.7	Perbincangan Berkaitan Perbezaan Ciri-Ciri Amalan PBI Yang Setara Mengikut Pendapat Pelatih Di Empat Institusi Yang Dikaji.	70
5.4	Kesimpulan	71
5.5	Cadangan	71
5.5.1	Cadangan Terhadap Kajian	72
5.5.2	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	73
5.5	Rumusan	74
	RUJUKAN	75
	LAMPIRAN	80

SENARAI JADUAL

1.1	Komponen Penilaian SLDN	7
1.2	Institusi Latihan Kemahiran Awam Dikaji	14
2.1	Ciri-Ciri Persamaan Dan Perbezaan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Institusi Dalam Program Latihan Peringkat Sijil Latihan Separa Mahir	24
3.1	Institusi Latihan Kemahiran Awam Dikaji	29
3.2	Senarai Semak Elemen Pentaksiran Berasaskan Institusi	31
3.3	Populasi Dan Persampelan	36
3.4	Instrumen Kajian	37
3.5	Instrumen Kajian Daripada Objektif Yang Dikaji	38
3.6	Carta Pert Prosedur Kajian	41
3.7	Kerangka Operasi Kutipan Data	41
3.8	Tidak Wujud Perbezaan Antara Pendapat Pelatih Di Empat Institusi Yang Dikaji	42
3.9	Wujud Perbezaan Antara Pendapat Pelatih Di Empat Institusi Yang Dikaji	43
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	45
4.2	Analisis Min Bagi Amalan Pentaksiran Berasaskan Institusi Bagi Pelatih IKM Lumut.	46
4.3	Amalan PBI Mengikut Nisbah Di IKM Lumut	48
4.4	Analisis Min Bagi Amalan Pentaksiran Berasaskan Institusi Bagi Pelatih GiatMARA Teluk Intan.	48

4.5	Amalan PBI Mengikut Nisbah Di GiatMARA Teluk Intan	49
4.6	Analisis Min Bagi Amalan Pentaksiran Berasaskan Institusi Bagi Pelatih Di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Ipoh.	50
4.7	Amalan PBI Mengikut Nisbah Di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Ipoh	51
4.8	Analisis Min Bagi Amalan Pentaksiran Berasaskan Institusi Bagi Pelatih Di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar.	52
4.9	Amalan PBI Mengikut Nisbah Di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar	53
4.10	Analisis Hubungan Korelasi Antara Institusi Yang Dikaji Dengan Pentaksiran Berasaskan Institusi (PBI)	54
4.11	Anova Sehala Perbandingan Pendapat Ciri-Ciri Amalan PBI Yang Setara Mengikut Pendapat Pelatih Di Empat Institusi Yang Dikaji.	55

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Konsep Kajian	15
3.1	Kerangka Kerja Operasi	33
3.2	Skala Perbezaan Semantik Lima Mata	39
4.1	Bilangan peratusan pelatih mengikut jenis institusi yang ditentukan bagi program yang setara dan bidang yang sama.	45

SENARAI SINGKATAN

ILKS	-	Institusi Latihan Kemahiran Swasta
ILKA	-	Institusi Latihan Kemahiran Awam
INSTEP	-	Institut Teknologi Petronas
SLDN	-	Skim Latihan Dual Nasional
PBI	-	Pentaksiran Berasaskan Intituti
EPU	-	Unit Perancangan Ekonomi
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
IKM	-	Institut Kemahiran Mara
IKBN	-	Institut Kemahiran Belia Negara
ILJTM	-	Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia
KPM	-	Kementerian Pelatihan Malaysia
JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
NOSS	-	Piawaian Spesifikasi Pekerjaan Kebangsaan
KSM	-	Kementerian Sumber Manusia
KPLBW	-	Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dan Wilayah
JLTM	-	Jabatan Latihan Tenaga Manusia
KKTM	-	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
KKTBN	-	Kolej Kemahiran Tinggi Belia Negara
Ho	-	Hipotesis null
Ha	-	Hipotesis Alternatif
BKT	-	Bahagian Kemahiran Dan Teknikal

UniKL	-	Universiti Kuala Lumpur
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
CADD	-	<i>Computer-Aided Design And Drafting</i>
PTV	-	Pendidikan Teknik Dan Vokasional
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
FPK	-	Falafah Pendidikan Kebangsaan
ILP	-	Institut Latihan Perindustrian
ADTEC	-	Pusat Latihan Teknologi Tinggi
KBS	-	Kementerian Belia Dan Sukan
JMTI	-	Institut Teknikal Malaysia-Jepun
SSW	-	<i>Within-Sample Variation</i>
SSB	-	<i>Between-Sample Variation</i>
DF	-	<i>Degree Of Freedom</i>
PS1	-	Projek Sarjana 1
PS2	-	Projek Sarjana 2

SENARAI LAMPIRAN

A	Carta Gantt Projek Sarjana 1 dan 2	80
B	Borang Soal Selidik	82
C	Pengesahan Borang Soal Selidik	86
D	Surat Permohonan Untuk Mendapatkan Maklumat Kajian	95
E	Kajian Rintis	100

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Persaingan peluang pekerjaan semakin sengit, kepelbagaian graduan pencari kerja semakin luas dan permintaan majikan kepada ketrampilan pekerjaan yang semakin spesifik telah memberikan tekanan kepada Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) dalam memberikan pengalaman belajar berkualiti kepada pelatih (Van Rooijen, 2011). Jangkaan majikan ke arah graduan program kemahiran ILKA dan ILKS berkapasiti intelektual serba lengkap dengan ketrampilan pekerjaan secara *ready out-of-box* terus meningkat dan tidak terbandung. Cabaran ILKA adalah lebih mencabar berbanding ILKS milik korporat seperti Institut Teknologi Petronas (INSTEP) Terengganu dan Institut Latihan Perodua, Serendah, Selangor yang mengendalikan program latihan induksi pekerjaan pra penempatan bagi pekerja lantikan baru. Cabaran utama ILKA adalah untuk mewujudkan satu sistem kerangka pentaksiran nasional tunggal yang holistik merentasi kementerian agar penerimaan majikan terhadap kualiti keterampilan graduan dari ILKA yang berlainan dapat lebih seragam mengikut tahap sijil yang dimiliki (Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, 2005).

Walaupun ada majikan yang memuji inisiatif kerangka Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) kerana berjaya merapatkan jurang perbezaan antara industri dan ILKA dari aspek keterampilan kemahiran teknikal atau disiplin spesifik graduan, namun masih

ramai majikan yang berpendapat bahawa tahap keterampilan pekerjaan graduan program kemahiran masih lagi di bawah paras jangkaan (Quality today, 2010).

Pentaksiran adalah nadi kepada pembelajaran kerana pentaksiran adalah faktor penentu sama ada tercapai atau tidak hasil pembelajaran pelatih yang diingini (Chse, 2007) dan amalan pentaksiran perlu mewujudkan kepada hasil program latihan secara terancang. Pentaksiran memberikan gambaran bagaimana pelatih belajar, dinilai dan digredkan dan kemudian diberikan maklumbalas mengenai pencapaian mereka supaya pihak ILKA boleh memutuskan apa yang patut ditambah baik agar sesuatu tahap pengetahuan dan piawaian keterampilan diberi. Dengan demikian, pengkaji merasakan amat penting agar kriteria pentaksiran program kemahiran menjadikan lebih spesifik, telus mempunyai akauntabiliti yang tinggi (Ward, 2007).

Amalan pentaksiran merentasi program di ILKA boleh dikategorikan kepada dua, iaitu kerja kursus dan peperiksaan akhir. Kedua-duanya mempunyai komponen teori dan amali mengikut nisbah yang tertentu. Umpamanya, program latihan di bawah kerangka SLDN mempunyai nisbah 60 hingga 80 peratus amali berbanding teori, termasuk keistimewaan mendapatkan pengalaman pembelajaran di kampus institusi dan di tempat pekerjaan sebenar pada nisbah 70 dan 30 peratus (Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, 2005).

Pentaksiran berasaskan institusi (PBI) dalam program latihan kemahiran di ILKA telah lama dilaksanakan. Modul-modul program latihan vokasional seperti program latihan prantisan, projek industri, latihan industri, sandaran pekerjaan, pembimbing rakan sekerja, dan seumpamanya, mempunyai elemen PBI walaupun polisi dan jadual ditentukan pada peringkat pusat (Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, 2010). Dalam PBI markah dan gred pelatih ditentukan oleh pemeriksa secara lantikan dalaman seperti pengajar, penyelia atau wakil industri pada peringkat institusi dengan berpandukan kriteria dan tauliah personal telah ditentukan pada peringkat pusat. Dokumen pentaksiran bersifat PBI adalah dari komponen penilaian berterusan atau kerja kursus iaitu himpunan markah-markah penglibatan seperti kuiz, ujian, tugas, laporan amali dan seumpamanya. PBI boleh juga wujud dalam peperiksaan akhir sekiranya pelaksanaan dan pentaksiran dijalankan oleh pihak institusi sendiri.

Kajian Hasan (2012) melaporkan bukan semua graduan lepasan ILKA berkeupayaan atau berminat untuk menyambung pengajian akademik, sebaliknya ada juga yang lebih cenderung dengan kerja-kerja praktikal serta berasaskan teknikal. Berdasarkan laporan tahunan Unit Perancang Ekonomi (EPU, 2012), kira-kira 83,000 hingga 85,000 belia tercicir dari alam persekolahan. Negara melihat golongan tercicir ini mampu digilap sebagai sumber tenaga kerja separa mahir dan profesional dalam pelbagai bidang kemahiran. ILKA sepatutnya seragam menyediakan program laluan alternatif untuk menjana potensi diri dan seterusnya turut menyumbang sebagai warga kerja dan modal insan yang berharga kepada negara (EPU, 2012).

Kajian ini mensasarkan populasi pelatih program latihan separa mahir di ILKA yang terdiri dari lepasan SPM yang tercicir tidak menyambung pelatihan tetapi berdaftar sebagai pelatih program latihan asas pada peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 yang kini berada di ILKA utama seperti GiatMARA, Institut Kemahiran MARA (IKM), Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Kursus Sijil Kemahiran GiatMARA dan Sijil Kemahiran MARA pada Tahap 1 adalah setara dengan SKM (Bahagian Kemahiran dan Teknikal MARA, 2009). Pada tahun 2013, terdapat lebih 3000 pelatih berdaftar mengikuti program latihan di pelbagai ILKA seluruh negara. Mengikut Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (2005), bidang yang paling popular adalah teknologi seperti kursus pendawaian elektrik yang tidak memerlukan asas matematik dan sains yang tinggi.

Walaupun polisi dan kriteria PBI tertakluk kepada peraturan kerangka SLDN, namun dari aspek pelaksanaan apa yang diuji dan kekerapan ujian adalah bergantung kepada autonomi dan pelarasan oleh pihak institusi (Kratochwill, 2000). Ciri-ciri persamaan dan perbezaan pengubahsuaian PBI pada peringkat operasi sebenar inilah yang ingin diterokai oleh pengkaji. Dengan menumpu kepada kursus Teknologi Elektrik yang dilaporkan sebagai kursus paling popular di empat institusi ILKA yang utama, iaitu GiatMARA, IKM, ILJTM dan IKBN.

Tidak semua pengajar dan penilai dalaman mempunyai latihan dan memiliki keterampilan setara dalam melaksanakan ujian dan projek berasaskan PBI. Pengajar baru yang masih bertaraf novis, kurang pendedahan pengalaman kepada kaedah dan teknik

penandaan standard. Cara penandaan yang mereka perolehi adalah berdasarkan ikutan pengalaman sendiri dan bersifat cubajaya (Selamat, 2003).

Mengikut Sidek (2012) pelaksanaan PBI pada peringkat barisan hadapan di ILKA kurang berjaya dan tidak seperti yang diharapkan. Pengajar tidak yakin untuk menghasilkan item soalan sendiri apabila menguji tahap ketrampilan hasil pembelajaran pelatih. Buku-buku soalan ramalan dan set kertas peperiksaan tahun-tahun lepas sentiasa menjadi buku yang tinggi permintaannya di pasaran dan sering kehabisan stok. Walaupun mematuhi kerangka SLDN, penyampaian pengajaran dalam kelas dan bengkel masih berorientasikan peperiksaan. Amalan ini menghadkan keinginan meneroka pelatih kerana disebabkan matlamat ingin lulus peperiksaan, menjadikan pelatih dan pengajar sangat terikat dengan sistem menjawab kertas soalan peperiksaan. Sebagai contoh, dalam satu semester skop penyampaian sepatutnya menyelesaikan dengan sempurna kesemua cakupan silabus yang ditentukan, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya, iaitu pengajar ditekan untuk memastikan pelatih lulus peperiksaan, mengejar waktu mengikut jadual waktu yang singkat dan tekanan mengutamakan latih tubi menjawab peperiksaan lebih menjadi keutamaan dari mengilap potensi dan bakat pelatih. Akibatnya pengajar lebih terdorong untuk membatu pelatih membuat ramalan, memilih topik-topik yang dijangkakan akan keluar dalam peperiksaan sahaja yang akan diajar di dalam kelas (Mat, 2011).

Prestasi pelatih dalam PBI direkodkan dalam bentuk peratusan atau gred untuk menggambarkan ketrampilan. Majikan membuat perbandingan kualiti graduan antara ILKA sijil yang mereka persembahkan. Dari aspek jaminan kualiti sepatutnya tidak wujud jurang perbezaan kualiti graduan yang setara antara institusi yang berbeza. Salah kekurangannya adalah walaupun wujud keselarasan pada peringkat atasan, pendedahan dan bimbingan kepada pengajar dan pemeriksa dalaman pada peringkat program barisan hadapan amatlah kurang. Terdapat kecenderungan membataskan ketelusan yang sepatutnya dikongsi bersama pelatih. Aspek ini mempengaruhi ketidaktentuan dalam melaksanakan PBI (Othman, 2011).

1.2 Latar Belakang Masalah

Pentaksiran Berasaskan Institusi (PBI) mengikut kerangka SLDN adalah satu proses menilai tahap pencapaian keterampilan seseorang pelatih yang mengikuti program latihan dalam sistem SLDN yang diselenggarakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2005). Keterampilan pelatih merangkumi Kompetensi Teknikal, Pembelajaran dan Metodologi, dan Kompetensi Sosial dan Kemanusiaan. Penilaian dilakukan dengan pelbagai kaedah yang sesuai yang dapat menilai keterampilan seseorang perantis seperti yang dikehendaki oleh majikan. Sistem penilaian ini perlu dilaksanakan untuk melayakkan seseorang perantis yang telah mencapai tahap keterampilan yang telah ditetapkan untuk penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 telah diwartakan pada 29 Jun 2006 dan ditetapkan No Akta sebagai [Akta 652]. Dari perspektif undang-undang tarikh permulaan berkuatkuasa akta 652 ini telah ditetapkan pada 1 September 2006. Bagaimanapun, penguatkuasaan secara berkesan pelaksanaan PBI mengikut sistem SLDN adalah sejak 24 Mac 2010. Mulai tarikh itu, Malaysia mempunyai satu sahaja sistem latihan, iaitu SLDN dan perlu dipatuhi oleh semua agensi awam dan swasta. Dengan terlaksananya peraturan ini, mana-mana peraturan sebelum ini terbatal (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2010).

Objektif utama memperkenalkan sistem PBI dalam program latihan berinstitusi di Malaysia adalah untuk menjana satu kaedah pentaksiran yang sah, boleh dipercayai, mencukupi dan adil dalam menilai ketiga-tiga kompetensi yang ditetapkan dalam Piawaian Spesifikasi Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) atau kurikulum SLDN, menentukan tahap daya saing ketrampilan pelatih, menghasilkan sumber tenaga kerja yang berkualiti, dan memastikan sistem jaminan mutu dilaksanakan dalam program latihan berinstitusi yang dijalankan.

Skop pelaksanaan PBI mengikut kerangka SLDN adalah wajib bagi semua bidang latihan pekerjaan dalam sektor latihan berinstitusi, melibatkan proses pentaksiran teori dan amali yang dilaksanakan di syarikat atau di ILKA/ ILKS. Manakala kriteria pelaksanaan pentaksiran ketrampilan sosial dan kemanusiaan hendaklah merujuk kepada

Buku Panduan Kemahiran Sosial dan Nilai Sosial Dalam Pendidikan Teknikal Dan Vokasional (*NDS Handbook On Social Skills And Social Values In Technical Education And Vocational Training*) terbitan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2010).

Agensi kerajaan yang ada menjalankan program latihan di bawah Akta 652 adalah Kementerian Sumber Manusia (KSM) sebagai peneraju utama menerusi dua jabatan di bawah KSM, iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sebagai badan penguatkuasa sistem SLDN dan Jabatan Latihan Tenaga Manusia (JLTM) yang mengawalselia pelaksanaan latihan kemahiran pekerjaan untuk lepasan ILKA di semua institusi latihan di bawahnya.

Agensi kedua terbesar adalah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KPLBW) menerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang mentadbir GiatMARA, IKM, Kolej Profesional MARA (KPM) dan KKTM (Kolej Kemahiran Tinggi MARA). Manakala agensi ketiga terbesar adalah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang mentadbir IKBN dan KKTBN (Kolej Kemahiran Tinggi Belia Negara).

Kesemua agensi ini mensasarkan lepasan ILKA yang tidak dapat meyambung pengajian akademik ke peringkat lebih tinggi. Kesemua ILKA ini memiliki kumpulan sasaran dan agenda mengikut segmen tersendiri dalam melahirkan modal insan agar berupaya meningkatkan daya saing negara, melonjakkan pertumbuhan ekonomi dan sekaligus menjadikan negara kita sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji bagaimana amalan pentaksiran yang ditadbirkan ke atas pelatih-pelatih di GiatMARA, IKM, ILJTM dan IKBN bagi Kursus Sijil Elektrik (pendawaian) Tahap 1, walaupun wujud panduan penilaian SLDN, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.1. Pengkaji berminat untuk meninjau kewujudan persamaan antara garis panduan penilaian SLDN dan pengubahsuaian atau perbezaan yang wujud dalam kalangan ILKA berbeza yang dikaji.

Jadual 1.1: Komponen penilaian SLDN

Bil	Komponen Penilaian				Peratus (%)	Markah Lulus
1	Kompetensi teknikal, pembelajaran dan metodologi	Penilaian berterusan	Pusat latihan	Teori	30	18
			Syarikat	Praktikal	70	42
Peratuan Keseluruhan					100	60
2	Kompetensi sosial dan kemanusiaan		Syarikat/ pusat latihan	Penilaian sendiri	20	14
				Penilaian pemerhatian	80	56
Peraturan Keseluruhan					100	70

Rujukan: Jabatan Pembangunan Kemahiran (2010). Panduan pelaksanaan sistem penilaian Sistem Latihan Dual Nasional. Putrajaya: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Kementerian Sumber Manusia.

Haidi (2009) telah menyenaraikan ciri-ciri PBI yang baik adalah jelas dari aspek ilustrasi, bentuk dan saiz tulisan yang mudah difahami dan boleh dibaca.

Walaupun bagaimanapun, wujud kelemahan dalam sistem PBI, seperti pengajaran dan pembelajaran akan menjadi agak terhad kerana pengajar akan lebih mengutamakan kepada elemen kerja kursus yang diukur sahaja (Lippincott Williams dan Wilkins, 2007). PBI juga telah menerima rungutan dari pengajar iaitu seolah dikerah untuk menghabiskan satu-satu topik dengan segera agar ujian PBI dapat dijalankan (Chafouleas, 2007). Pelaksanaan dalam sistem semester menjadikan proses menjelaskan secara mendalam sesuatu isi tidak dapat dilakukan dalam kelas sebab memberi laluan hanya kepada topik akan diuji dalam ujian PBI (Abdullah, S. Y., 2005). Sebelum memberikan ujian PBI kepada pelatih, pengajar terlebih dahulu menyediakan evidens iaitu soalan-soalan yang akan diuji. Kemudian, pengajar juga akan menyemak kertas evidens berkenaan. Selepas itu, aktiviti merekod dan dokumentasikan pencapaian perlu dijalankan. Ia juga akan memberi tekanan dan beban kepada pengajar untuk menyiapkan soalan tersebut (Chew, 2011).

Terdahulu daripada itu, kajian Jamaluddin (1997) menunjukkan bahawa pengajar berpendapat bahawa sistem peperiksaan yang ada sangat menekankan pensijilan dan kurang menekankan pendidikan untuk menghasilkan warganegara yang baik dari aspek kemanusiaan. Malah sistem sekarang turut menekankan kandungan pengetahuan berbanding kemahiran praktikal. Responden dalam kajian beliau juga mencadangkan

agar pentaksiran dilaksanakan secara berterusan dan memberikan penekanan kepada kemahiran dengan tidak menumpukan semata-mata pada aspek pengetahuan.

Dalam memastikan keberkesanan penilaian kerja kursus sebagai alat pengukuran terletak kepada kemampuan pengajar untuk mentadbir dan memberikan skor dengan objektif dan adil. Bagi memastikan keadilan ini, pengajar perlu menjalankan pemeriksaan dengan teliti dan cermat, menilai dengan hati dan kalbu, membuat pertimbangan yang wajar serta bersikap lebih kepada membantu bukan tegas (Azizi, 2008). Dalam hal ini, pengajar juga harus memiliki ilmu pengetahuan dan kefahaman yang mendalam dalam aspek yang dinilai supaya pentaksiran yang dilaksana adalah adalah tepat dan memberikan maklum balas yang sebenar tentang tahap seseorang pelatih berkenaan.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa PBI merupakan satu proses pentaksiran yang holistik kerana ia mencakupi elemen berterusan sepanjang tempoh latihan dan meliputi elemen teori dan amali, tidak tertumpu semata-mata kepada peperiksaan akhir (Adam, 2011).

1.3 Penyataan Masalah

Kajian ini bertujuan mengenalpasti ciri-ciri pelaksanaan PBI pada peringkat operasi akar umbi, mengikut pendapat pelatih program latihan berinstitusi dalam program pada tahap yang setara dan bidang latihan yang sama, di empat ILKA yang berbeza agensi. Pembolehubah yang dikaji adalah pendapat pelatih iaitu gambaran komponen seperti apa yang diuji, kriteria skema pemarkahan, syarat boleh bergraduan, bentuk dan kaedah PBI yang mereka ingini.

Seterusnya, hasil dari rumusan kajian ini adalah diharapkan dapat mencadangkan kriteria amalan terbaik PBI berdasarkan dari persamaan kriteria yang dipersetujui oleh kesemua empat kumpulan sasaran yang dikaji di keempat-empat ILKA yang dikaji. Populasi sasaran kajian ini tertumpu kepada pelatih yang mengambil Program Tahap 1 Kursus Elektrik (pendawaian) daripada Institut Kemahiran MARA (IKM) Lumut, Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Ipoh, Institut Kemahiran Belia Negara

(IKBN) Seri Iskandar dan GiatMARA Teluk Intan untuk mengenalpasti amalan pentaksiran berasaskan institusi yang diingini oleh pelatih vokasional. Kajian ini dapat membantu pelatih vokasional dari segi keperluan dan kesesuaian pentaksiran yang dikehendaki.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada pendapat pelatih mengenai gambaran komponen seperti apa yang diuji, kriteria skema pemarkahan, syarat boleh bergraduan, bentuk dan kaedah PBI yang mereka ingini. Pengkaji telah membina objektif kajian seperti di bawah:

- (a) Untuk menentukan ciri-ciri amalan PBI yang dilaksanakan mengikut pendapat empat kelompok pelatih di empat institusi yang dikaji iaitu:
 - (i) Program Asas Pendawaian Elektrik bagi Sijil Kemahiran MARA (SKM) Tahap 1 oleh Bahagian Kemahiran, MARA di IKM Lumut, Perak.
 - (ii) Program Asas Pendawaian Elektrik bagi Sijil Teknologi Elektrik GiatMARA oleh Bahagian Kemahiran, MARA.
 - (iii) Program Asas Pendawaian Elektrik bagi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Ipoh.
 - (iv) Program Asas Pendawaian Elektrik bagi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar, Perak.
- (b) Untuk menentukan kewujudan hubungan yang kukuh antara pendapat kelompok pelatih yang berbeza mengikut amalan PBI yang dilaksanakan di institut yang dikaji.
- (c) Untuk menentukan kewujudan persamaan ciri-ciri amalan PBI yang setara mengikut pendapat pelatih di empat institusi yang dikaji.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, beberapa soalan kajian telah dikemukakan iaitu:

- (i) Apakah ciri-ciri amalan PBI yang dilaksanakan mengikut pendapat pelatih di IKM Lumut?
- (ii) Apakah ciri-ciri amalan PBI yang dilaksanakan mengikut pendapat pelatih di GiatMARATeluk Intan?
- (iii) Apakah ciri-ciri amalan PBI yang dilaksanakan mengikut pendapat pelatih di ILJTM Ipoh?
- (iv) Apakah ciri-ciri amalan PBI yang dilaksanakan mengikut pendapat pelatih di IKBN Seri Iskandar?
- (v) Apakah hubungan antara pendapat kelompok pelatih yang berbeza mengikut amalan PBI yang dilaksanakan di institut yang dikaji?
- (vi) Apakah perbezaan ciri-ciri amalan PBI yang setara mengikut pendapat pelatih di empat institusi yang dikaji?

1.6 Hipotesis

Hipotesis kajian ini dinyatakan dalam bentuk hipotesis bertentangan, iaitu hipotesis null seperti berikut:

H_{01} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pendapat kelompok pelatih yang berbeza mengikut amalan PBI yang dilaksanakan di institut yang dikaji.

H_{02} : Tidak terdapat perbezaan pendapat ciri-ciri amalan PBI yang setara mengikut pendapat pelatih di empat institusi yang dikaji.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi mengenalpasti amalan pentaksiran berasaskan institusi yang diingini oleh pelatih vokasional bagi Program Tahap 1 Kursus Elektrik (pendawaian) daripada Institut Kemahiran MARA (IKM) Lumut, Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Ipoh, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar dan Giat MARA Teluk Intan. Justeru itu, kajian ini mempunyai kepentingan kepada pihak tertentu iaitu pelatih vokasional.

1.7.1 Kerajaan dan Agensi Penyedia Latihan Berinstitusi

Kajian ini membantu pihak-pihak berkepentingan seperti kementerian dan agensi penyedia latihan berinstitusi seperti KSM, KKLBW (MARA) dan KBS untuk mengenalpasti amalan pentaksiran yang bersesuaian untuk pengajar dan pelatih vokasional. Malaysia, sebagai negara pesat membangun, sedang mengalami perubahan selaras dengan hasrat untuk mencapai Wawasan 2020. Antara cabaran Wawasan 2020 adalah untuk mewujudkan dan membangunkan masyarakat maju bersifat holistik. Masyarakat Malaysia ini mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, amat sedar akan semua potensinya, tidak mengalah kepada sesiapa dan dihormati oleh rakyat negara lain. Misi Nasional yang diperkenalkan bertujuan untuk menyahut cabaran Wawasan 2020 dalam jangka masa tujuh tahun akan datang. Pendekatan Misi Nasional memberi penekanan ke atas pembangunan modal insan minda kelas pertama yang akan merealisasikan kejayaan Malaysia sebagai negara yang dihormati dan disegani. Sistem Latihan berinstitusi merupakan agenda penting dalam membangunkan dan memajukan negara. Sistem pentaksiran dalam PBI boleh dijadikan instrumen penggerak bagi membentuk individu cemerlang intelek, jasmani, rohani, emosi, sahsiah dan berkemahiran tinggi. Setiap warga pendidik vokasional dan masyarakat umum perlu memahami matlamat sebenar mengenai PBI.

1.7.2 Pengajar Vokasional

Pengajar Vokasional adalah terdiri dari tenaga pengajar sedia ada pada masa lawatan kajian ini dibuat. Mereka terdiri daripada tenaga pengajar Program Tahap 1 Kursus Elektrik (pendawaian) daripada Institut Kemahiran MARA (IKM) Lumut, Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Ipoh, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar dan GiatMARA Teluk Intan. Kajian ini mempunyai kepentingan kepada pengajar kerana hasil dapatan kajian ini dapat mendorong dan meningkatkan amalan pentaksiran. Pentaksiran pendidikan ialah integrasi proses mengumpul maklumat tentang pembelajaran pelatih, (apa yang pelatih tahu, faham, boleh buat dan mengamalkannya), memberi nilai kepada maklumat, menginterpretasi maklumat, membuat inferens dan membuat keputusan apa yang perlu dilakukan ke atas pelatih untuk memperbaiki pembelajarannya. Proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran berlaku secara dua hala dan sepadu di mana sambil mengajar, pengajar membuat pentaksiran secara formatif untuk mengenalpasti tahap penguasaan pelatih tentang apa yang dipelajari atau belum dan dia tahu sama ada pelatih itu perlu mengulang balik atau meningkatkannya ke tahap yang lebih tinggi. Di samping itu, pengajar akan menerapkan nilai-nilai murni dan akhlak mulia yang holistik sifatnya semasa proses tersebut. Proses mengumpul maklumat pembelajaran pelatih dilakukan dengan pelbagai cara samada dengan menggunakan instrumen pentaksiran seperti ujian, soal selidik, amali, kerja kursus dan pemerhatian. Maklumat yang terkumpul itu dinilai dan diinterpretasi supaya keputusan dapat dibuat berdasarkan inferens awal tentang kebolehan seseorang pelatih dalam pembelajarannya. Semua proses di atas berlaku secara dua hala antara satu sama lain sehingga proses pengajaran dan pentaksiran membantu pelatih meneruskan pembelajaran sepanjang hayat, dalam dunia yang memberikan penekanan kepada 'life-long learning', proses amat penting. Pelatih bukan sahaja ditaksir diakhir sesuatu unit pembelajaran tetapi pelatih juga perlu ditaksir semasa menjalani proses pengajaran dan pembelajarannya (Kamarul, 2012).

1.7.3 Pelatih Vokasional

Pelatih Vokasional bermaksud pelatih berdaftar sebagai pelatih sepenuh masa program Sijil Teknologi Elektrik Satu di keempat-empat ILKA yang dikaji, iaitu dari kalangan peserta Program Tahap 1 Kursus Elektrik (pendawaian) daripada Institut Kemahiran MARA (IKM) Lumut, Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Ipoh, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar dan GiatMARA Teluk Intan. PBI merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana pelatih tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan dalam dokumen kurikulum. Pentaksiran Rujukan Standard tidak membandingkan pencapaian seseorang pelatih dengan pelatih lain tetapi melapor prestasi pelatih dalam pembelajaran dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan "*growth*" pelatih dalam pembelajaran dengan merujuk kepada pernyataan standard. Pelatih-pelatih dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain. Pihak institusi mampu mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif yang merangkumi segala aspek tentang diri seseorang pelatih itu bagi membolehkan pihak yang bertanggung jawab mengenali, memahami, menghargai, mengiktiraf dan memuliakan anak didik sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing (Hair, 2004).

1.8 Skop Kajian

PBI di ILKA di Malaysia dikuatkuasakan di bawah Akta 652 dan ditadbirkan secara berpusat oleh agensi induk pada peringkat kementerian masing-masing. Ini bermakna agensi-agensi seperti KKLBW, KSM dan KBS mempunyai prinsip dan skop kriteria yang dinilai perlu mematuhi garis panduan yang standard mengikut keperluan kumpulan sasaran masing-masing. Kajian ini dilaksanakan sekitar Perak iaitu di Institut

Kemahiran MARA (IKM) Lumut, Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Ipoh, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar dan GiatMARA Teluk Intan kerana pengkaji percaya wujud saling berkomunikasi institusi yang berhampiran dalam bidang yang sama (Rifai, M., 2011), selain dari peluang akses ke institusi yang dikaji. Kajian ini adalah merupakan satu kajian kes terhadap amalan pentaksiran berasaskan institusi yang diingini oleh pelatih vokasional. Sampel kajian ini adalah daripada pelatih Kursus Sijil Elektrik Tahap 1.


Keempat-empat Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang dipilih sebagai fokus kajian berasaskan ciri persamaan, iaitu menawarkan program dalam kajian ini adalah berasaskan kepada ciri kesamaan, iaitu kumpulan sasaran, tahap pensijilan dan bidang yang sama, seperti yang digambarkan dalam Jadual institusi latihan vokasional awam dikaji, yang berikut.

Jadual 1.2 : Institusi latihan vokasional awam dikaji

Ciri	Institusi Latihan Vokasional Awam Dikaji			
Sampel Institut	IKM Lumut	GiatMARA Teluk Intan	ILJTM Ipoh	IKBN Seri Iskandar.
Bidang Program	Elektrik (Pendawaian)	Elektrik (Pendawaian)	Elektrik (Pendawaian)	Elektrik (Pendawaian)
Nama Program	Sijil Teknologi Elektrik (Pendawaian)	Sijil Teknologi Elektrik (Pendawaian)	Sijil Teknologi Elektrik (Pendawaian)	Sijil Teknologi Elektrik (Pendawaian)
Kurikulum	Bahagian kemahiran MARA	Bahagian kemahiran MARA	NOSS (SLDN)	NOSS (SLDN)
Tahap Kemahiran	Tahap 1	Tahap 1	Tahap 1	Tahap 1
Nama Pensijilan	Sijil Kemahiran MARA	Sijil Teknologi Elektrik GiatMARA	Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)	Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)
Akreditasi	Bahagian Kemahiran, MARA	Bahagian Kemahiran, MARA.	Jabatan Pembangunan Kemahiran, KSM	Jabatan Pembangunan Kemahiran, KSM.
Kumpulan Sasaran	Lepasan SPM Bumiputra	Lepasan SPM Bumiputra	Lepasan SPM Terbuka	Lepasan SPM Terbuka
Enrolmen pada 2014 (orang)	93	37	107	74

1.9 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian dalam rajah 1.1 menunjukkan dengan jelas perjalanan kajian yang dilakukan ke atas pelatih bagi Program Tahap SKM1 Kursus Elektrik di ILJTM, IKM, IKBN dan GiatMARA yang dikaji.



Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian

1.10 Definisi Operasional

Judul kajian adalah “Tinjauan Pendapat Pelatih Ke Atas Pentaksiran Berasaskan Institusi Di Institusi Latihan Kemahiran Awam”. Berdasarkan judul maka, pengkaji akan menerangkan beberapa istilah-istilah tersebut iaitu:

1.10.1 Amalan Terbaik

Pelbagai kebaikan yang diperolehi daripada sistem pentaksiran berasaskan institusi antaranya ialah mendidik pengajar supaya menjadi pengajar yang berintegriti. Ia juga memudahkan rujukan pencapaian pelajar dan memberi makna kepada gred pelatih. Amalan ini juga tidak akan membezakan murid dengan gred dan had peratusan murid untuk mencapai standard tidak terhad. Pentaksiran yang menyeluruh dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Dalam usaha menjadikan pentaksiran berasaskan ILKA ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, Pentaksiran Rujukan Standard diperkenalkan iaitu menggunakan Standard Prestasi sebagai sumber rujukan oleh semua pihak yang terlibat dalam pendidikan secara langsung dan tidak langsung. Standard Prestasi digunakan untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan pembelajaran serta pencapaian prestasi seseorang murid. Disamping itu, Ia merupakan proses untuk mendapatkan maklumat tentang sejauh mana tahap pengetahuan, pemahaman dan tindakan yang boleh pelatih lakukan atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian. Pernyataan Standard diletakkan dalam kategori mengikut Band iaitu Band 1, Band 2, Band 3, Band 4, Band 5 dan Band 6 yang disusun mengikut hierarki dan dijelaskan dengan deskriptor yang menyatakan tingkah laku terperinci yang boleh diperhati dan diukur dalam menentukan prestasi individu pelatih.

1.10.2 Pentaksiran Berasaskan Institusi

Pentaksiran Berasaskan Institusi (PBI) merupakan topik yang hangat di Asia, dengan suasana yang mementingkan peperiksaan dan tekanan ke atas pengajar dan pelatih untuk mendapatkan keputsan yang baik. PBI ini adalah satu komitmen untuk menerokai pemikiran masyarakat dan nilai-nilai di Negara ini. Komitmen ini ditambah pula dengan kepercayaan dalam pendidikan sebagai proses bakat yang diiktiraf tanpa mengira kelas sosial, modal budaya dan rangkaian keluarga. Ujian dan peperiksaan yang dipercayai untuk mendapatkan kepentingan di masa akan datang.

PBI merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani), psikomotor (jasmani) dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. PBI ini mentaksir proses dan produk secara formatif dan sumatif iaitu mengamalkan konsep *assessment for learning* dan *assessment of learning*. Selain itu, ia mentaksir bidang akademik dan bidang bukan akademik serta merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan oleh pihak ILKA secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.

Projek demonstrasi menilai rangka kerja institusi untuk pembelajaran berasaskan kerja penilaian dari segi jaminan kualiti. Matlamat PBI adalah untuk mengenal pasti, mengkategorikan dan menilai jenis-jenis penilaian pembelajaran berasaskan kerja yang boleh memerlukan perhatian khas untuk menjamin kualiti. Termasuklah aspek-aspek seperti sebagai mod sesuai taksiran (termasuk e-assessment/ moderation sebagaimana yang sesuai), luaran pemeriksaan, memastikan perbandingan seluruh pembelajaran dirundingkan, mengurus papan taksiran.

1.10.3 Institusi Latihan Kemahiran Awam

Perkembangan pertumbuhan ekonomi dunia telah memberi kesan tolakan besar ke atas permintaan tenaga manusia khususnya terhadap tenaga kerja profesional, mahir dan separa mahir. Ini sememangnya memberikan cabaran yang besar kepada sistem pendidikan sesebuah negara terutamanya pendidikan teknik dan vokasional dalam

membekalkan tenaga kerja yang berkebolehan serta mahir. Tumpuan pembangunan sesebuah negara pada masa kini adalah lebih ke arah perindustrian dan pembuatan, maka adalah perlu bagi pendidikan teknik dan vokasional menyediakan suatu bentuk sistem pendidikan dan latihan yang seiring dengan keperluan industri serta pasaran semasa. Melahirkan sumber tenaga manusia yang berkebolehan, bermotivasi tinggi, cekap dan produktif adalah penting bagi meningkatkan kadar produktiviti negara. Tenaga manusia yang diperlukan di dalam masyarakat industri pada hari ini tentulah tenaga manusia yang cekap dan profesional, berfikiran terbuka untuk menerima dan mengkaji maklumat dan ilmu serta dapat membuat penyesuaian dengan cepat (Ahmad, 2007).

Memandangkan aktiviti perindustrian pada masa hadapan adalah berteraskan teknologi tinggi dan teknologi maklumat, maka adalah perlu bagi pihak kerajaan atau swasta yang terlibat dengan pendidikan teknik dan vokasional ini untuk membuat perancangan yang teliti dan komprehensif bagi mewujudkan suatu sistem pendidikan yang baik agar ia dapat mampu memenuhi keperluan sesebuah negara.

1. 11 Rumusan

Pentaksiran adalah suatu proses yang meliputi pelbagai kaedah untuk menentukan tahap sesuatu ciri atau atribut yang diperolehi seseorang individu. Pengukuran merupakan suatu proses kuantifikasi dengan memberi nilai angka kepada kewujudan sesuatu ciri dan atribut. Dalam pengajaran dan pembelajaran di universiti, kewujudan ciri “penguasaan” sesuatu isi kursus yang diajar oleh pensyarah pada pelatih dikuantifikasikan dengan memberi skor ujian. Pentaksiran adalah bertujuan sebagai salah satu proses mendapatkan gambaran tentang prestasi seseorang dalam pembelajaran. Oleh itu, wajarlah kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti amalan pentaksiran berasaskan institusi yang diingini oleh pengajar dan pelatih vokasional. Secara amnya, bab ini menerangkan beberapa aspek dan gambaran awal bagi kajian yang dijalankan yang merangkumi latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kerangka konsep dan definisi istilah yang digunakan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Menurut Dawidowicz (2010), beliau mengatakan bahawa kajian literatur merupakan analisa berupa kritik yang membangun mahu pun menjatuhkan dari penelitian yang sedang dilakukan terhadap topik khusus atau pertanyaan terhadap suatu bahagian dari keilmuan. Kajian literatur ini dijalankan untuk meningkatkan lagi pemahaman tentang kajian yang dijalankan dengan merujuk kepada pelbagai buku, jurnal dan lain-lain sumber bacaan yang boleh didapati dari perpustakaan, pusat sumber fakulti dan mendapat maklumat terkini mengenai kajian daripada internet.

2.2 Penyataan Masalah dan Objektiv Kajian

Penyataan masalah dan juga tujuan bagi kajian ini adalah untuk meninjau pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Institusi (PBI) mengikut pendapat responden di empat institusi latihan vokasional yang dipilih, iaitu Institut Kemahiran MARA (IKM) Lumut, GiatMARA Teluk Intan, Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Ipoh dan Institut Kemahiran Belia Negara (IBN) Seri Iskandar, Perak.

Skop kajian ini adalah untuk menjawab soalan-soalan berkaitan ciri-ciri amalan pentaksiran berasaskan institusi yang dilaksanakan mengikut pendapat pelatih, di empat institusi yang dikaji iaitu:

- a) Program Asas Pendawaian Elektrik bagi Sijil Kemahiran MARA (SKM) Tahap 1 oleh Bahagian Kemahiran, MARA di IKM Lumut, Perak.
- b) Program Asas Pendawaian Elektrik bagi Sijil Teknologi Elektrik GiatMARA oleh Bahagian Kemahiran, MARA.
- c) Program Asas Pendawaian Elektrik bagi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Ipoh.
- d) Program Asas Pendawaian Elektrik bagi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar, Perak.

2.3 Konsep dan Komponen PBI

Pengkaji ingin membuat pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Institusi (PBI) mengikut pendapat responden diempat institusi latihan vokasional yang dipilih, iaitu Institut Kemahiran MARA (IKM) Lumut, GiatMARA Teluk Intan, Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Ipoh dan Institut Kemahiran Belia Negara (IBN) Seri Iskandar, Perak. Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) merupakan salah satu bahagian di sektor pendidikan MARA yang bertanggungjawab mengawal, merancang dan menyelia aktiviti-aktiviti yang dijalankan di KPM, KM, UniKL, KPTM dan GMI. Di samping itu, BPT juga memainkan peranan untuk menjayakan matlamatnya seiring dengan matlamat MARA iaitu untuk melaksanakan tanggungjawab ke arah peningkatan pendidikan profesional dan separa profesional dalam bidang perakaunan, perdagangan dan pengurusan perniagaan serta kejuruteraan teknologi melalui institusi-institusi pengajian di bawah kawalannya.

Bahagian Kemahiran dan Teknikal (BKT) merupakan salah satu bahagian yang ditempatkan di bawah Sektor Pendidikan MARA. Latihan kemahiran MARA telah bermula di Institut Kemahiran MARA Jasin, Melaka pada tahun 1968. Sehingga kini, BKT mengendalikan sepuluh buah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTMM) dan 13 buah Institut Kemahiran MARA (IKM) di seluruh Malaysia. Dengan perkembangan teknologi semasa serta keperluan tenaga kerja mahir dan separa mahir, maka pelbagai bidang dan program telah ditawarkan bagi memastikan latihan kemahiran MARA yang kini dikenali sebagai Pendidikan Teknikal dan

Vokasional (PTV), dapat mengisi dan menyumbang keperluan tenaga kerja yang diperlukan oleh industri dan negara.

Terdapat 14 program yang ditawarkan di Institusi Kemahiran Mara (IKM) Lumut. Antara program tersebut adalah Sijil Elektrik (Pendawaian), Sijil Teknologi Kejuruteraan Automotif, Sijil Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Domestik & Industri), Sijil Teknologi Kejuruteraan Komputer, Sijil Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Lukisan Rekabentuk), Sijil Teknologi Kejuruteraan Pembuatan, Sijil Teknologi Kejuruteraan Bangunan, Sijil Senibina, Sijil Teknologi Baikpulih Badan Kenderaan, Sijil Teknologi Kimpalan, Sijil Teknologi Bekalan Air Dan Pembetulan, Sijil Teknologi Rekabentuk dan Pembuatan Perabot, Sijil Teknologi Upholstri Industri Dan Hiasan Dalaman dan Sijil Teknologi Foundri.

GiatMARA merupakan sebuah institusi latihan peringkat akar umbi yang ditubuhkan di bawah akta syarikat dan dikenali sebagai GiatMARA Sendirian Berhad. Pentadbiran GiatMARA diletak di bawah MARA, sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLW). Ia adalah pusat latihan yang menawarkan latihan teknikal dalam pelbagai bidang kemahiran di seluruh Negara.

GiatMARA menawarkan 36 jenis kursus jangka panjang dan pendek serta latihan untuk 20,000 orang pelajar yang dianjurkan. Kursus GiatMARA adalah menjurus kepada pelajar yang mempunyai keputusan SPM kurang memberangsangkan. Menurut Pengerusi Pusat GiatMARA Datuk Shahiruddin Ab Moin, antara kursus yang ditawarkan melibatkan bidang kimpalan, pertukangan, jurubina, mengecat, mekanik, elektrik, masakan, gunting rambut dan persolekan. Terdapat 14 buah negeri yang menawarkan kursus kejuruteraan elektrik (pendawaian) yang mengambil tempoh pengajian selama 15 bulan (Castro, 2002).

Terdapat 20 buah ILJTM di Negara ini yang menawarkan pelbagai kursus, antaranya ialah kursus elektrik (pendawaian), kursus teknologi komputer, kursus teknologi seramik, kursus teknologi penyejukbekuan dan penyaman udara, kursus teknologi mekanik industri, kursus teknologi kimpalan, kursus teknologi foundri, kursus teknologi fabrikasi logam dan kursus teknologi CADD mekanikal.

Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN) menekankan aspek bina insan, kepimpinan, keusahawanan dan jati diri sebagai bekalan mereka untuk menempuh alam pekerjaan. Mereka juga diajar supaya lebih cekal menghadapi cabaran dan lebih berdisiplin sebaik menamatkan latihan di sini dengan hanya berbekalkan sijil di IKBN. IKBN mengutamakan kemahiran diri selain kelulusan dalam pelajaran.

Semua kursus yang disediakan juga menyediakan pelajar kepada latihan kemahiran dan vokasional dalam bidang tertentu mengikut minat masing-masing. Sehubungan dengan itu, peranan Bahagian Kemahiran untuk menyediakan peluang kemahiran dan melatih seramai mungkin belia dalam pelbagai bidang kemahiran melalui pelbagai pendekatan sama ada secara jangka panjang atau jangka pendek. Daripada 42 kursus yang disediakan, lima kursus yang paling diminati oleh belia iaitu teknologi kejuruteraan kereta, pendawaian elektrik, jahitan pakaian wanita, penyediaan makanan dan teknologi kimpalan. Kementerian Belia dan Sukan juga menyediakan peruntukan tertentu untuk memberi kelas malam kepada pelatih bagi meningkatkan pencapaian cemerlang dalam bidang pendidikan dan kemahiran. Selain itu, IKBN menyediakan kursus jangka pendek dan kursus hujung minggu dengan jumlah keseluruhannya, seramai 104,960 orang pelatih yang menyertai kursus jangka pendek dan 3,152 orang pelatih yang mengikuti kursus hujung minggu. Bagi memenuhi pasaran global, IKBN juga melengkapkan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi serta Bahasa Inggeris.

2.3.1 Ciri-Ciri Persamaan Institusi

Keempat-empat institusi latihan kemahiran awam dipilih dalam kajian ini sebab pengkaji hanya ini menumpu kepada program latihan vokasional pasca sekolah yang setara dalam jurusan yang sama dalam bidang asas kejuruteraan elektrik. Akhbar the The Star bertarikh 27 April 2013 melaporkan bahawa pada tahun 2012, sektor elektrik dan elektronik telah menyumbang sebanyak RM48.5bil dalam keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan mewujudkan sejumlah 8,800 pekerjaan lepasan separa mahir atau lepasan peringkat sijil latihan vokasional. Berdasarkan laporan ini pengkaji berpendapat bahawa program latihan asas pada peringkat sijil kemahiran vokasional dalam bidang kejuruteraan elektrik turut menyumbang dalam membekalkan pekerja separa mahir ke dalam pasaran pekerjaan dalam negara.

2.3.2 Konsep Kajian

Guru memainkan peranan penting dalam mengesan perkembangan, kebolehan, kemajuan dan pencapaian murid. Guru menentukan hasil pembelajaran yang hendak dinilai, merancang dan membina instrumen penilaian, melaksanakan penilaian, merekod hasil penilaian, menganalisis maklumat penilaian, melapor dan membuat tindakan susulan. Penilaian yang dirancang oleh guru di peringkat sekolah ini dikenali sebagai PBS. Melalui aktiviti penilaian guru dapat memastikan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Untuk mencapai hasrat ini penilaian di sekolah haruslah memberi penekanan kepada konsep penilaian berterusan terhadap perkembangan bagi kesemua aspek tersebut. PBS lebih bersifat formatif iaitu mengutamakan kemajuan setiap murid dari satu peringkat ke satu peringkat. Guru dapat membuat diagnostik bagi mengesan perkembangan murid dari semasa ke semasa. Ini memberi peluang kepada guru untuk membetulkan kesilapan dan memperbaiki kelemahan murid serta-merta supaya kelemahan tersebut tidak terhimpun. Di samping itu guru dapat mengenal pasti kelemahan dan memperkembangkan lagi kekuatan serta potensi murid (Sufean, 2005).

Kajian ini menumpu kepada empat agensi atau institusi yang menawarkan program bidang elektrik yang setara untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), iaitu program pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 (SKM Tahap 1) dalam kejuruteraan elektrik, program Sijil Teknologi Elektrik GiatMARA oleh Bahagian Kemahiran, MARA dan program Sijil Kemahiran MARA(SKM) Tahap 1 oleh Bahagian Kemahiran, MARA.

Kajian ini memfokuskan ciri-ciri persamaan dan perbezaan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Institusi dalam program latihan peringkat sijil latihan separa mahir yang dikelolakan di bawah agensi berbeza yang dipilih seperti dalam jadual 2.1 di bawah:

Jadual 2.1 : Ciri-ciri persamaan dan perbezaan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Institusi dalam program latihan peringkat sijil latihan separa mahir

BIL	INSITUSI	PROGRAM	AKREDITASI PENSIJILAN
1	Institut Kemahiran MARA (IKM) Lumut	Sijil Elektrik (Pendawaian)	Sijil Kemahiran MARA(SKM) Tahap 1 oleh Bahagian Kemahiran, MARA
2	GiatMARA Teluk Intan	Sijil Elektrik (Pendawaian)	Sijil Teknologi Elektrik GiatMARA oleh Bahagian Kemahiran, MARA.
3	Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Ipoh	Sijil Elektrik (Pendawaian)	Sijil Kemahiran Malaysia(SKM) Tahap 1 oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia
4	Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar	Sijil Elektrik (Pendawaian)	Sijil Kemahiran Malaysia(SKM) Tahap 1 oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia

2.3.3 Kebolepasaran Graduan

Memiliki kerjaya sejurus seorang pelatih menamatkan pengajian di sesebuah pusat pengajian tinggi adalah salah satu ukuran kebolepasaran graduan. Status bekerja dan pekerjaan graduan adalah jaminan kelangsungan hidup mereka yang telah melalui proses pembangunan modal insan semasa belajar bagi mengisi pelbagai jawatan yang diperlukan untuk pembangunan nasional. Menurut Amla (2011) kerjaya adalah pengalaman bekerja yang mempunyai kaitan dengan pilihan gaya hidup yang mempengaruhi kesejahteraan diri, dan dengan itu pilihan kerjaya adalah satu perancangan penting dalam kehidupan seseorang. Sehubungan hal ini, perancangan kerjaya semasa belajar oleh pelatih seharusnya berjalan seiring dengan kursus yang diikuti (Ahmad, 2011).

Menurut Yusoff (2011), Ramai yang beranggapan melanjutkan pengajian di IKM hanya untuk menjadikan seseorang itu mendapat kemahiran yang mampu untuk menjana pendapatan kecil sahaja. Namun begitu, program ini telah melangkah setapak lagi bukan sahaja melahirkan mereka yang berkemahiran malah mereka yang boleh pergi jauh lagi dengan melanjutkan pengajian di luar negara dengan pada awalnya berbekalkan sijil kejuruteraan dari IKM. Kini MARA menyediakan pengajian yang lebih tinggi seperti di Prancis, Amerika Syarikat, Jepun dan Korea sehingga ke peringkat sarjana jika seseorang pelajar itu mempunyai daya kompetensi yang tinggi dalam pengajian dan kemahiran yang diperolehi mereka.

Berdasarkan laporan status lepasan pelatih GiatMARA sehingga Disember 2010 yang dikeluarkan oleh GiatMARA Malaysia, seramai 58,281 orang pelatih lepasan GiatMARA telah berjaya memperolehi pekerjaan dalam pelbagai sektor

RUJUKAN

- Abdullah, S. Y. (2005). *Mengurus sekolah*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors.
- Adam, A. (2011). Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS): Ke arah pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah berkesan. Ke Arah Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Berkesan : *Prosiding Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah 2011*, Institut Aminuddin Baki, Geting Highlands, 99-113.
- Ahmad. S. et al. (2011). Kebolehpasaran Graduan UKM: Satu Kajian Perbandingan Antara Graduan Disiplin Sains dengan Bukan Sains. *Jurnal Personalia Pelajar*. 14, 81 – 90.
- Ahmad, B. A. (2007). *Kerjaya dalam bidang kejuruteraan*. Kuala Lumpur: PTS Publishing
- Ahmad. A dan Awang. M. I., (2008). *Pengukuran dan penilaian pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asha'ari, N. L (2006) *Ketrampilan Sosial Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia Di Negeri Melaka*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia : Tesis Sarjana.
- Awang dan Abd Hair. (2004). *Keberkesanan Kebolehpasaran Pelatih Dalam Industri Latihan Vokasional Terpilih Di Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Aziz Nordin dan Mohd Yusuf Arshad (1990). “*Pandangan dan Penilaian Murid Serta Guru Matapelajaran Teknikal Sekolah Menengah Teknik Terhadap Pengajaran Guru Pelatih Universiti Teknologi Malaysia*”. Unit Penyelidikan Dan Pembangunan Universiti Teknologi Malaysia. Fakulti Pendidikan : Universiti Teknologi Malaysia
- Azizi, Y. (2006). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori, analisis & interpretasi data*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

- Bajoori, N. A. (2002). “*Kesediaan Guru-guru Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (PKE) Untuk Melaksanakan Pendekatan Pembelajaran Secara Kontekstual Dalam Mata Pelajaran PKE di Sek. Men. Teknik Negeri Johor*”. Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda (PSM). Tesis.
- Billett, S. dan Henderson, A. (2011). *Developing learning professionals: Integrating experiences in university and practice settings*. Dordrech
- Block, M. (2010). *Quantitative analysis of intra-organizational knowledge Sharing*. Bremen: Europäischer Hochschulverlag.
- Castro, C. M., et al. (2002). *Making education work: Latin American ideas and Asian results*. Washington, DC.
- Chafouleas, S., et al. (2007). *School-based behavioral assessment: Informing intervention and instruction*. New York: Guilford Press.
- Chan Y. F., dan Gurnam K. S. (2011). *School-Based Assessment Among Esl Teachers In Malaysian Secondary Schools*. Faculty Of Education, Universiti Teknologi Mara.
- Chew, C. K. (January 01, 2011). Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Ke Arah Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Berkesan : *Prosiding Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah 2011*, Institut Aminuddin Baki, Geting Highlands, 81-89.
- Chua Y.P. (2008). Asas Statistik Penyelidikan Analisis Data Skala Ordinal Dan Skala Nominal: Buku 3. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Dawidowicz, P. (2010). *Literature reviews made easy: A quick guide to success*. Charlotte. NC: Information Age Pub.
- Driscoll, A., dan Wood, S. (2007). *Developing outcomes-based assessment for learner-centered education: A faculty introduction*. Sterling, Virginia: Stylus.
- Edwards, A. L. (1983). *Techniques of attitude scale construction*. New York: Irvington.
- Gagnon, Y. C. (2010). *The case study as research method: A practical handbook*. Québec Que.: Presses De L'université Du Québec.
- Gillham, B. (2005). *Research interviewing: The range of techniques*. Maidenhead: Open University Press.
- Glass, G.V. dan Hopkins, K.D. (2011). *Statistical Methods In Education And Psychology*. Englewood Cliffs, Nj: Prentice Hall.

- Gwee, J. (2012). *Case studies in public governance; building institutions in Singapore*. Singapore; Taylor & Francis.
- Hassan. R. (2013, November 18). Lebih 83 Peratus Graduan Ilp Penuhi Pasaran Kerja. Bernama. Dicapai pada November 20, 2013, dari <http://www.jtm.gov.my/ver25/index.php/ms/component/content/article/51-akhbar/242-lebih-83-peratus-graduan-ilp-penuhi-pasaran-kerja-18-november-2013>
- Institut Kemahiran Mara. (2013, April). Program Pengajian. Dicapai pada Disember 8, 2013, dari Institut Kemahiran Mara : <http://www.ikmlumut.edu.my/>.
- Jamaluddin. K. (2013, Oktober 10). KBS sasar 100% graduan IKBN dapat kerja. Utusan Online. Dicapai pada November 10, 2013, dari http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131011/dn_15/KBS-sasar-100-graduan-IKBN-dapat-kerja.
- Joubert, L. (2008). *Educating in the arts: The Asian experience: twenty-four essays*. Dordrecht: Springer.
- Jabatan Pembangunan Kemahiran (2010). *Panduan pelaksanaan sistem penilaian Sistem Latihan Dual Nasional*. Putrajaya: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Kementerian Sumber Manusia.
- Kamarul, F. M. (January 01, 2012). Cabaran ke arah tenaga pengajar mahir dan kompeten: Kolej komuniti sebagai institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET). *Prosiding Kolokium Penyelidikan Kolej Komuniti Segamat 2 2012*, 10-19
- Katarzyniak, R., Chiu, T.-F., Hong, C.-F., dan Nguyen, N. T. (2011). *Semantic methods for knowledge management and communication*. Berlin: Springer.
- Kratochwill, T. R., dan Shapiro, E. S. (2000). *Behavioural assessment, diagnosis and treatment: Theory, research and clinical foundations*. New York: Guilford.
- Laporan Unit Penyelidikan dan Pembangunan Bahagian Perancangan Korporat Mara (2005). *Analisa Pengambilan Pelatih dan Status Pelatih Lepas GIATMARA yang Menubuhkan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat Mara.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2006). *Manual pemantauan pentaksiran berasaskan sekolah*. Lembaga Peperiksaan Malaysia, Putrajaya.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2011). *Panduan pelaksanaan kerja kursus*. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Lippincott Williams & Wilkins. (2007). *Assessment*. Philadelphia: Lippincott Williams & Wilkins.

- Mario A. N. et al. (2004). *Proceedings of the Thirtieth International Conference On Very Large Data Bases*. Toronto, Canada.
- Mat, S. T. (2011). Pentaksiran Berasaskan Sekolah ke arah Pentaksiran Berasaskan Sekolah berkesan. Ke Arah Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Berkesan : *Prosiding Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah 2011*, Institut Aminuddin Baki, Geting Highlands, 65-80.
- Maxfield, M. G. dan Babbie, E. R. (2007). *Research methods for criminal justice and criminology*. Belmont, CA: Wadsworth Pub.
- McTavish, A. M. dan Bayley, V, (2010). *Institutional framework for work based learning assessment*. Coventry: Higher Education Academy.
- Mohd Taha. R., Halid. S., dan Nasbah. N.N., (2011). Pelajar wanita juga minat bidang teknikal. Berita harian. Dicapai pada 22/04/2014 daripada <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Pelajarwanitajugaminatbidangteknikal/Article>
- National Round Table on the Environment and the Economy, (2012). *Canada's opportunity: Adopting life cycle approaches for sustainable development*. Ottawa: National Round Table on the Environment and the Economy.
- Pallant, J. (2010). *SPSS Survival Manual; A Step By Step Guide To Data Analysis Using SPSS*. 4th Edition. Australia. Mc Graw Hill
- Phang, C.L. (2010). *The integration of the national occupational skills standard-based training system and the National Dual Training System in Malaysia*. Parit Raja, Batu Pahat; Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Pillay, G. F. (2005). *Technical & vocational education (TVET) systems of selected East Asian countries: Malaysia*. Washington, D.C.: The World Bank.
- Power-deFur, L. A. dan Orelove, F. P. (1997). *Inclusive education: Practical implementation of the least restrictive environment*. Gaithersburg, Md: Aspen Publishers.
- Othman, L. (2011). Pentaksiran berasaskan sekolah: Teori, prinsip dan pelaksanaan. Ke Arah Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Berkesan : *Prosiding Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah 2011*, Institut Aminuddin Baki, Geting Highlands, 3-34.
- Rifai, M. (2011). *Sosiologi pendidikan: Struktur & interaksi sosial di dalam institusi pendidikan*. Sleman, Jogjakarta.

- Royo. M. A, Mohamadon. N. (2011), Persepsi Pelajar-Pelajar Institut Kemahiran Mara (IKM) Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Program Sijil Teknologi Elektrik Domestik Dan Industri Yang Sedang Mereka Ikuti. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, Volume 2, 50-63
- Rumsey, D. (2007). *Intermediate Statistics For Dummies®*. Hoboken: John Wiley & Sons.
- Sufean, H. (2005). *Pentadbiran dalam pembangunan pendidikan*. Pahang: PTS Professional Publishing.
- Storm G. (1976). "Managing The Occupational Education Laboratory." Michigan: Prakken Publications Inc.
- Thestar (2013). Malaysia's electrical & electronics (E&E) sector is brimming with exciting opportunities. Find out what's ahead for young graduates as well as how you can get started. *Mystarjob.com*. Dicapai pada April 27, 2013, dari http://mystarjob.com/article/story.aspx?file=/2013/4/27/mystarjob_careerguide/12980346&sec=mystarjob_careerguide
- Tubah. J. (1997). *The public examinations in Malaysia, role and effect*. Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2012). *Laporan tahunan Malaysia 2012*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Venables, A dan Tan, G. (2009) 'Realizing Learning in the Workplace in an Undergraduate IT Program', *Journal of Information Technology Education: Innovations in Practice*, Vol 8.
- Ward, H. (2007). *Using their brains in science: Ideas for children aged 5 to 14*. London: Paul Chapman Pub.
- Yusoff. M. A. (2011). Lulusan ikm/kktm berpeluang ke universiti antarabangsa. Dicapai pada Disember 1, 2013, dari ms.1 di http://maragov.files.wordpress.com/2011/07/mm30411_kemahiran.pdf
- Zulkifli, I. (2004). *Pelajar bestari 5T*. Kuala Lumpur.